

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (SEMASA)

TARIKH: 06 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 12

SYAZLIN mengakui kerjaya sebagai peguam sangat mencabar dan memerlukannya berfikir secara kreatif serta kritis.



Syazlin mahu jadi peguam disegani



Oleh NOOR SYAHIDATOOL AQMA MOHD. NOOR

NAMA peguam, Syazlin Mansor pernah menceetuskan kontroversi ketika wanita itu terlibat mewakili pihak-pihak berkepentingan dalam inkues kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim yang meninggal dunia dalam kejadian rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya, Selangor pada 27 November tahun lalu.

Figura berusia 31 tahun itu didakwa oleh Peguam Negara mempunyai beberapa konflik kepentingan dalam kes tersebut kerana beliau mewakili kerajaan iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Selain itu, beliau juga turut dilantik mewakili keluarga Allahyarham Muhammad Adib.

Justeru, Tan Sri Tommy Thomas mengarahkan Syazlin menarik diri daripada inkues tersebut pada 27 Mei lalu selepas 86 hari prosiding inkues berlangsung di Mahkamah Koroner Shah Alam.

Namun pada Jun lalu, Syazlin tampil menjawab segala spekulasi berhubung penarikan dirinya dan bertekad untuk mewakili semula keluarga Allahyarham Muhammad Adib dalam inkues yang bermula pada 11 Februari lepas.

Wanita yang berasal dari Ipoh, Perak itu berkata, kejadian tersebut merupakan antara perkara yang paling tidak boleh dilupakan sepanjang beliau mengendalikan prosiding inkues tersebut.

"Tommy mendakwa saya mempunyai konflik kepentingan tertentu dalam mengendalikan kes tersebut dan turut mengaitkan suami saya, Ahmad Sofian Mohd Shariff yang ketika itu merupakan Setiausaha Akhbar kepada Mentor KPKT, Zuraida Kamaruddin.

"Saya berasa sedikit terkilan dengan dakwaan yang dilemparkan itu kerana sebagai seorang peguam sudah tentu saya mengetahui apa yang dimaksudkan dengan istilah konflik kepentingan tersebut."

"Hal ini kerana ia membabitkan pertimbangan profesional, kerjaya dan integriti saya selaku peguam," kata beliau.

Syazlin yang membuka firma guaman, Tetuan Tina Ong dan Syazlin Mansor itu berpendapat, kejadian itu bagaimanapun tidak mematahkan semangatnya untuk terus berjuang demi kerjaya diminatinya.

Bercerita lanjut, graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dengan kepujian dari pada Universiti Teknologi Mara itu berkata, profesi itu sememangnya adalah impianinya sejak dari dahulu lagi.

"Sejak menuntut di zaman sekolah lagi, saya kerap masuk pertandingan debat dan pengucapan awam kerana saya seorang yang suka bercakap.

"Menjadi peguam untuk kes-kes

jenayah merupakan tugas yang mencabar buat diri saya kerana setiap kes yang dikendalikan adalah berbeza," katanya.

Jelas Syazlin, beliau akan melakukan kajian mengenai kes yang dikendalikannya termasuklah memilih saksi-saksi pakar yang bersesuaian.

"Adakalanya kes-kes yang dikendalikan ini memerlukan saya berfikir secara kreatif dan kritis," katanya yang berpengalaman mengendalikan ratusan kes jenayah sepanjang enam tahun bergelar peguam.

Mengulas mengenai individu yang dikagumi, Syazlin yang gemar bermain piano dan violin sebagai terapi meredakan tekanan kerja memberitahu, peguam terkemuka, Hisyam Teh Poh Teik, Datuk N. Sivananthan dan Datuk Salehuddin Saidin menjadi idolanya dalam bidang guaman.

"Ketiga-tiga individu itu mempunyai aura yang tersendiri, mereka memiliki keperibadian baik, selalu merendah diri serta hebat dalam lapangan masing-masing terutamanya ketika memberi hujah berkenaan satu-satu kes yang dikendalikan," katanya yang menggemarki rancangan televisyen bercirikan dokumentari jenayah forensik.

Syazlin juga berharap beliau dapat mengikuti jejak langkah sama dan mengimpikan untuk menjadi seorang peguam yang disegani, dihormati selain dapat mengembangkan firma guaman yang diusahakan ketika ini pada masa hadapan.

INFO TRIVIA SYAZLIN MANSOR

Nama : Syazlin Mansor
Umur : 31 tahun
Asal : Ipoh, Perak
Kerjaya : Peguam